

PENDIDIKAN AKHLAK MENURUT SURAH LUQMAN: IMPLIKASI DALAM SISTEM PENDIDIKAN MODEN

MORAL EDUCATION ACCORDING TO SURAH LUQMAN: IMPLICATIONS FOR THE MODERN EDUCATION SYSTEM

Ahmad Fathi Hasni Basri¹
Jazli Zakwan Ahmad Taha²
Bushrah Basiron³

¹Islamic Civilization Academy, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,
(E-mail: ahmad.fathi@graduate.utm.my)

²Islamic Civilization Academy, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,
(Email: jazlizakwan@graduate.utm.my)

³Islamic Civilization Academy, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,
(E-mail: bushrah@utm.my)

Article history

Received date : 23-5-2025

Revised date : 24-5-2025

Accepted date : 18-6-2025

Published date : 30-6-2025

To cite this document:

Hasni Basri, A. F., Ahmad Taha, J. Z., & Basiron, B.
(2025). Pendidikan akhlak menurut Surah Luqman:
Implikasi dalam sistem pendidikan moden. *Journal of
Islamic, Social, Economics and Development
(JISED)*, 10 (73), 520 - 532.

Abstrak: Pendidikan akhlak merupakan asas utama dalam pembentukan insan seimbang dari segi rohani, emosi, intelek dan sosial. Surah Luqman, khususnya ayat 12 hingga 19, mempersembahkan prinsip-prinsip pendidikan akhlak melalui nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya, yang merangkumi nilai tauhid, kesyukuran, tanggungjawab individu, amar makruf nahi munkar, kesabaran serta adab pergaulan. Kertas kerja ini menganalisis nilai-nilai tersebut melalui pendekatan tematik dan menghubungkannya dengan keperluan sistem pendidikan moden. Kajian mendapati bahawa pendekatan pendidikan akhlak berasaskan al-Quran adalah sangat relevan dalam membentuk karakter pelajar yang bukan sahaja cemerlang akademik, tetapi juga berakhlak mulia. Implikasi kajian ini menggariskan keperluan kepada pendekatan pendidikan holistik, keterlibatan ibu bapa dan komuniti, penekanan kepada pembentukan ketahanan mental dan emosi, penerapan nilai kesederhanaan serta pengukuhan teladan dalam kalangan pendidik. Justeru, integrasi nilai-nilai Quranik dalam kurikulum moden adalah satu keperluan untuk melahirkan generasi berintegriti dan beradab tinggi dalam menghadapi cabaran globalisasi masa kini.

Kata Kunci: Pendidikan Akhlak, Surah Luqman, Al-Quran, Nilai Islam, Pendidikan Moden

Abstract: Moral education is a fundamental foundation in shaping a well-balanced individual in terms of spirituality, emotions, intellec, and social behavior. Surah Luqman, particularly verses 12 to 19, presents the principles of moral education through the advice of Luqman al-Hakim to his son, which includes the values of monotheism (tauhid), gratitude, personal responsibility, enjoining good and forbidding evil (amar ma'ruf nahi munkar), patience, and proper social conduct. This paper analyzes these values through a thematic approach and relates them to the needs of the modern education system. The study finds that a Quran-based

moral education approach is highly relevant in shaping students who are not only academically excellent but also possess noble character. The implications of this study highlight the need for a holistic educational approach, the involvement of parents and the community, emphasis on building mental and emotional resilience, the application of moderation, and the strengthening of role modeling among educators. Therefore, the integration of Quranic values into the modern curriculum is necessity in producing a generation of integrity and high moral standards in facing the challenges of contemporary globalization.

Keywords: *Moral Education, Surah Luqman, The Quran, Islamic Values, Modern Education*

Pengenalan

Pendidikan akhlak merupakan tunjang kepada pembangunan insan dalam Islam. Ia bukan sahaja membentuk peribadi individu, malah menjadi asas kepada pembinaan tamadun yang maju dan beretika. Pendidikan akhlak dalam Islam bertujuan untuk membentuk insan yang seimbang dari aspek spiritual, intelektual, emosional, dan sosial, sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Attas (1980) bahawa pendidikan dalam Islam adalah proses penyemaian adab (ta'dib) dalam diri manusia.

Dalam dunia moden yang semakin kompleks, masalah krisis moral dalam kalangan generasi muda menjadi semakin ketara. Statistik menunjukkan peningkatan dalam gejala sosial seperti jenayah juvana, penyalahgunaan dadah dan keruntuhan institusi keluarga (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2020). Ini membuktikan bahawa sistem pendidikan moden yang terlalu menekankan pencapaian akademik semata-mata tidak lagi memadai tanpa integrasi nilai akhlak yang kukuh.

Surah Luqman merupakan salah satu surah yang sarat dengan panduan pendidikan akhlak yang boleh dijadikan asas dalam membina sistem pendidikan yang lebih bermakna dan berkesan. Nasihat Luqman kepada anaknya meliputi prinsip-prinsip asas dalam pembinaan karakter individu Muslim, termasuk aspek tauhid, adab dan tanggungjawab sosial (Ibn Kathir, 2000). Oleh itu, kajian terhadap prinsip pendidikan dalam Surah Luqman amat penting untuk diaplikasikan dalam sistem pendidikan kontemporari, agar dapat melahirkan insan yang bukan sahaja cemerlang dari segi intelek tetapi juga unggul dari segi akhlak.

Pernyataan Masalah

Pendidikan akhlak merupakan komponen teras dalam pembinaan generasi yang seimbang dari aspek intelek, emosi, sosial dan spiritual. Namun begitu, realiti semasa menunjukkan bahawa sistem pendidikan moden di kebanyakan negara termasuk Malaysia, masih belum mencapai keberkesanan sepenuhnya dalam membentuk keperibadian pelajar yang utuh. Statistik yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2020) menunjukkan peningkatan kes berkaitan gejala sosial seperti jenayah juvana, penyalahgunaan dadah dan masalah disiplin dalam kalangan remaja. Fenomena ini mencerminkan krisis nilai dan kecelaruan moral yang serius, sekali gus memperlihatkan kelemahan pendekatan pendidikan sedia ada yang lebih menekankan aspek kognitif dan pencapaian akademik semata-mata tanpa memberi perhatian mendalam terhadap aspek pembinaan sahsiah berasaskan nilai keagamaan.

Kurikulum sedia ada seperti Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah menyatakan komitmen terhadap integrasi nilai murni secara merentas mata pelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Namun, pelaksanaannya sering kali bersifat tersirat,

tidak konsisten dan kurang berpandukan sumber nilai yang utuh seperti al-Quran dan al-Sunnah. Kajian oleh Huda (2021) menunjukkan bahawa pengajaran Pendidikan Islam di sekolah lebih banyak berorientasikan penghafalan fakta dan peraturan berbanding pemahaman terhadap makna dan nilai yang terkandung dalam wahyu. Ini menyebabkan pelajar tidak menginternalisasikan nilai-nilai akhlak secara berkesan dalam kehidupan seharian.

Selain itu, kajian empirikal yang menghubungkan kandungan al-Quran dengan pembentukan kurikulum pendidikan moden masih terhad. Kajian oleh Sofa et al. (2023) mendapati bahawa walaupun nilai-nilai Qurani dalam Surah Luqman berpotensi tinggi untuk diaplikasikan dalam pendidikan karakter, namun belum banyak usaha dilakukan untuk merumuskan pendekatan pedagogi dan kurikulum yang berasaskan nilai tersebut secara sistematik. Malahan, kebanyakan pendekatan yang ada masih berlandaskan teori pendidikan Barat tanpa menyepadukan nilai ketauhidan, tanggungjawab individu terhadap Allah dan masyarakat serta keseimbangan emosi dan rohani yang menjadi teras pendidikan Islam. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti nilai-nilai akhlak yang terkandung dalam Surah Luqman ayat 12 hingga 19 melalui pendekatan analisis tematik, seterusnya menilai kesesuaiannya untuk diintegrasikan dalam sistem pendidikan moden.

Sorotan Literatur

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa integrasi nilai Islam dalam sistem pendidikan telah menjadi fokus perbincangan pelbagai sarjana, namun masih terdapat ruang yang boleh diterokai secara lebih mendalam dan sistematik. Terdapat kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan penyelidik terhadap keperluan membina pendekatan pendidikan yang bukan sahaja bersifat akademik, tetapi juga berteraskan nilai spiritual, moral dan sosial yang sahih dan relevan sepanjang zaman. Antaranya, kajian oleh Huda (2021) menekankan bahawa nilai-nilai pendidikan akhlak yang terdapat dalam Surah Luqman dapat diaplikasikan secara langsung dalam pengajaran Pendidikan Agama Islam (PAI). Kajian tersebut mendapati bahawa apabila pelajar didedahkan kepada ayat-ayat al-Quran secara kontekstual dan tematik, mereka lebih mudah memahami nilai-nilai seperti tanggungjawab, syukur, sabar dan adab. Hal ini sekali gus meningkatkan kesedaran moral dan penghayatan agama dalam kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, kajian tersebut juga mengakui bahawa aplikasi nilai ini dalam bilik darjah masih bersifat fragmentari dan belum dilaksanakan secara menyeluruh dalam reka bentuk kurikulum nasional.

Selain itu, kajian Munthe et al. (2025) yang memfokuskan kepada nilai tanggungjawab dan syukur dalam Surah Luqman ayat 14–15. Kajian ini membuktikan bahawa nilai-nilai tersebut berupaya membentuk keseimbangan antara kecerdasan spiritual dan sosial pelajar. Penyelidikan ini menyarankan agar sistem pendidikan memberi ruang kepada nilai-nilai Qurani untuk menjadi asas kepada pembangunan karakter pelajar. Kajian tersebut turut mencadangkan agar Surah Luqman dijadikan sebagai rujukan utama dalam pembentukan kurikulum berasaskan nilai, khususnya bagi menangani cabaran moral dalam era globalisasi dan teknologi maklumat.

Dalam konteks pembangunan karakter di era digital, kajian oleh Sofa et al. (2023) membangunkan satu model pendidikan karakter Qurani berdasarkan Surah Luqman ayat 12 hingga 19. Kajian ini menunjukkan bahawa nilai-nilai seperti kesederhanaan, tawaduk dan sabar sangat relevan untuk diterapkan dalam situasi pendidikan semasa yang semakin mencabar. Kajian ini turut membuktikan secara empirikal bahawa pelajar yang didedahkan secara berterusan kepada nilai-nilai Quranik menunjukkan tahap empati, disiplin diri dan

tanggungjawab sosial yang lebih tinggi. Walaupun model ini telah dirangka dengan baik, pelaksanaannya masih terbatas kepada konteks eksperimen kecil dan belum dikembangkan dalam kerangka pendidikan nasional secara luas.

Seterusnya, kajian oleh Zakir et al. (2021) yang menggunakan tafsir al-Azhar dan al-Misbah sebagai rujukan, turut mengesahkan bahawa nilai-nilai dalam Surah Luqman mampu mendidik pelajar menjadi individu yang sabar, bertanggungjawab dan berintegriti. Mereka mencadangkan agar nilai-nilai ini dijadikan asas dalam kurikulum nilai sejagat, memandangkan kandungannya yang universal dan tidak terbatas kepada komuniti Muslim sahaja. Ini menambahkan lagi hujah bahawa pendekatan nilai Qurani bersifat inklusif dan sesuai dalam persekitaran pendidikan moden yang majmuk.

Walaupun terdapat usaha-usaha yang menunjukkan keberkesanan integrasi nilai Islam dalam kurikulum, tinjauan terhadap kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa kebanyakannya bersifat lokal, tidak berpusat kepada dokumen kurikulum kebangsaan dan kurang memberi perhatian kepada aspek pedagogi serta latihan guru. Di sinilah terletak jurang penting yang ingin diisi oleh kajian ini iaitu dengan meneliti dan merumuskan prinsip akhlak Surah Luqman sebagai asas pembangunan kurikulum moden yang lebih holistik, berpandukan wahyu serta mampu diaplikasikan dalam konteks pendidikan arus perdana.

Oleh itu, sorotan literatur ini bukan sahaja mengesahkan kepentingan nilai-nilai Qurani dalam pendidikan, tetapi juga menyerlahkan keperluan kepada satu pendekatan sistematik yang mengintegrasikan prinsip-prinsip tersebut dalam keseluruhan ekosistem pendidikan bermula daripada kandungan kurikulum, strategi pengajaran, pembangunan profesional guru hingga ke budaya sekolah yang menyokong pembentukan akhlak pelajar secara menyeluruh.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dan dilaksanakan melalui kaedah kepustakaan dengan merujuk kepada sumber-sumber ilmiah yang relevan dengan fokus kajian. Bahan rujukan terdiri daripada jurnal akademik, buku serta artikel yang membincangkan pembentukan akhlak dan moral, khususnya berpaksikan kepada pendekatan pendidikan akhlak dalam Surah Luqman. Analisis data dijalankan secara tematik melalui pengekodan terbuka untuk mengenal pasti nilai-nilai akhlak yang terkandung dalam Surah Luqman (ayat 12 hingga 19) dan bagaimana nilai-nilai tersebut boleh diaplikasikan dalam sistem pendidikan moden.

Proses ini melibatkan tiga peringkat utama. Pertama, pengekodan terbuka dilakukan terhadap kandungan ayat-ayat Surah Luqman bagi mengenal pasti nilai-nilai akhlak utama yang terkandung seperti tauhid, kesyukuran, tanggungjawab, sabar dan adab. Kedua, kod-kod yang dikenal pasti dianalisis untuk membentuk tema-tema utama yang mewakili prinsip pendidikan akhlak. Ketiga, tema-tema ini dibandingkan secara deskriptif dengan prinsip dalam sistem pendidikan moden untuk mengenal pasti kesepadanan dan potensi integrasi dalam konteks kontemporari.

Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan hasil daripada analisis kandungan Surah Luqman ayat 12 hingga 19 serta perbandingan dengan prinsip-prinsip dalam sistem pendidikan moden. Fokus utama adalah terhadap nilai-nilai akhlak yang terkandung dalam nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya dan bagaimana prinsip-prinsip ini dapat memberi implikasi signifikan terhadap pembentukan sistem pendidikan yang holistik, berteraskan nilai dan seimbang dari segi intelek,

emosi, serta spiritual. Perbincangan ini juga mengetengahkan kesesuaian ajaran al-Quran dengan pendekatan pendidikan masa kini, termasuk penglibatan ibu bapa, pemupukan tanggungjawab individu dan pembentukan ketahanan diri dalam kalangan pelajar.

Pendidikan Akhlak Dalam Surah Luqman

Surah Luqman ayat 12 hingga 19 menampilkan nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya yang mengandungi prinsip-prinsip penting dalam pendidikan akhlak. Antara nilai utama yang ditekankan ialah:

Konsep Tauhid

Pertama, konsep tauhid ditegaskan dalam surah Luqman ayat ke-13, sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ ۚ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".*

(Surah Luqman, 31: 13)

Berdasarkan Surah Luqman ayat ke-13, konsep tauhid menjadi asas utama dalam pendidikan akhlak sebagaimana yang ditekankan oleh Luqman al-Hakim dalam nasihatnya kepada anaknya. Larangan daripada mempersekutukan Allah atau melakukan syirik ditegaskan sebagai satu bentuk kezaliman yang amat besar. Hal ini menunjukkan bahawa pembentukan keperibadian dan akhlak yang baik haruslah bermula dengan membina keimanan yang kukuh dan murni kepada Allah SWT. Dalam tafsiran Ibn Kathir (2000), ditegaskan bahawa tauhid merupakan dasar kepada segala bentuk amal dan akhlak, kerana tanpa asas keimanan yang betul, segala amal kebaikan tidak akan diterima oleh Allah.

Dalam konteks pendidikan moden, nilai tauhid boleh diterjemahkan sebagai asas pembentukan identiti diri dan panduan moral yang berteraskan ketuhanan. Pendidikan yang menekankan konsep ketuhanan dapat membantu pelajar memahami tujuan hidup, membezakan antara yang benar dan salah, serta mengembangkan integriti dan tanggungjawab moral dalam diri mereka. Meskipun sistem pendidikan moden bersifat sekular di banyak tempat, di negara-negara Islam seperti Malaysia, integrasi nilai tauhid dalam subjek Pendidikan Islam, program pembangunan sahsiah dan aktiviti kerohanian di sekolah berperanan penting dalam membentuk pelajar yang seimbang dari aspek intelek, emosi dan spiritual. Nilai tauhid ini bukan sahaja mendidik pelajar untuk beriman kepada Allah, tetapi juga menjadikan mereka individu yang sedar akan tanggungjawab mereka kepada diri sendiri, masyarakat dan Tuhan. Oleh itu, pendidikan moden yang holistik seharusnya tidak mengabaikan aspek keimanan sebagai asas dalam membentuk generasi yang berakhlak dan berprinsip.

Nilai Kesyukuran dan Menghormati Ibu Bapa

Seterusnya, nilai kesyukuran pula ditekankan dalam ayat 14 dan 15, sebagaimana firman-Nya:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفَصَّالَهُ فِي سَامِيٍّ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ﴿١٤﴾

﴿١٤﴾

Maksudnya: *Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).*

(Surah Luqman, 31: 14)

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۚ وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۚ
وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ۚ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

Maksudnya: *Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.*

(Surah Luqman, 31: 15)

Berdasarkan Surah Luqman ayat 14 dan 15, nilai kesyukuran ditegaskan sebagai unsur penting dalam pendidikan akhlak, khususnya dalam hubungan seorang anak dengan Allah dan kedua ibu bapanya. Ayat ini mengingatkan tentang pengorbanan besar seorang ibu dalam membesarkan anak bermula dari peringkat kehamilan, kelahiran hingga tempoh penyusuan dan menyeru agar manusia bersyukur kepada Allah serta berterima kasih kepada kedua ibu bapa. Menurut al-Maraghi (1946), kesyukuran bukan sahaja kepada Pencipta, tetapi juga kepada manusia yang berjasa, khususnya ibu bapa. Dalam konteks pendidikan moden, nilai kesyukuran ini wajar diterapkan sebagai asas dalam pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar yang menghargai pengorbanan dan jasa orang lain, khususnya ibu bapa, cenderung untuk memiliki sikap empati, rendah hati dan bertanggungjawab. Pendidikan moden boleh mengintegrasikan nilai ini melalui aktiviti pembelajaran berasaskan nilai (values-based education) seperti program penghargaan kepada ibu bapa, penulisan jurnal reflektif atau projek khas yang menekankan nilai hormat dan terima kasih.

Selain itu, ayat 15 memberikan pengajaran penting dalam mendidik pelajar untuk menghormati ibu bapa walaupun terdapat perbezaan pendapat atau pegangan. Walaupun seorang anak tidak boleh mentaati ibu bapa dalam hal yang bercanggah dengan prinsip tauhid, Islam tetap menyeru agar anak-anak bergaul dengan mereka secara baik. Ini menunjukkan nilai keseimbangan antara prinsip dan akhlak dalam pergaulan harian.

Dalam sistem pendidikan moden yang menekankan kemahiran sosial dan kecerdasan emosi, ajaran ini sangat relevan untuk membina pelajar yang mampu berinteraksi secara matang, menghormati perbezaan dan mengamalkan toleransi dalam hubungan sesama manusia. Justeru, nilai kesyukuran seperti yang digariskan dalam Surah Luqman bukan sahaja membentuk hubungan yang kukuh dengan Pencipta, tetapi turut menyemai adab mulia dalam hubungan kekeluargaan dan sosial secara menyeluruh. yang mengingatkan anak-anak tentang pentingnya berterima kasih kepada Allah dan berbakti kepada ibu bapa. Kesayukuran bukan sahaja kepada Pencipta, tetapi juga kepada sesama manusia yang berjasa (al-Maraghi, 1946).

Prinsip Tanggungjawab

Dalam ayat ke-16, Luqman menekankan prinsip tanggungjawab individu, iaitu kesedaran bahawa setiap perbuatan, walaupun sebesar biji sawi, akan dihisab oleh Allah. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

يَا بُنَيَّ إِن تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَاوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ ۖ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ﴿١٦﴾

Maksudnya: (Luqman menasihati anaknya dengan berkata): "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.

(Surah Luqman, 31: 16)

Berdasarkan Surah Luqman ayat 16, prinsip tanggungjawab individu ditegaskan sebagai asas penting dalam pembentukan akhlak dan kesedaran diri. Dalam ayat ini, Luqman menasihati anaknya bahawa setiap perbuatan, walaupun sekecil biji sawi dan tersembunyi di tempat yang sukar dicapai seperti di dalam batu, di langit atau di bumi tetap akan dihadirkan oleh Allah untuk dihisab. Hal ini menggambarkan betapa pentingnya kesedaran terhadap akibat setiap tindakan, sekalipun ia tampak remeh atau tidak disedari orang lain. Menurut al-Zuhayli (1991), ayat ini membentuk keinsafan diri dan mendorong manusia untuk bertindak dengan penuh tanggungjawab dan kejujuran.

Dalam konteks pendidikan moden, prinsip ini sangat relevan kerana pembentukan pelajar yang bertanggungjawab merupakan antara matlamat utama pendidikan abad ke-21. Sistem pendidikan hari ini bukan sahaja bertujuan melahirkan individu yang berpengetahuan, malah yang memiliki integriti, kesedaran moral dan akauntabiliti terhadap tindakan sendiri. Nilai tanggungjawab boleh diterapkan melalui pelbagai pendekatan seperti tugas individu, projek berkumpulan, refleksi sendiri dan penilaian berasaskan portfolio. Apabila pelajar dididik bahawa setiap tindakan mereka termasuk penggunaan teknologi, interaksi sosial dan keputusan akademik mempunyai implikasi, mereka akan lebih cenderung untuk bertindak secara matang dan beretika. Oleh itu, ajaran Luqman dalam ayat ini selari dengan hasrat pendidikan moden yang berusaha membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang secara intelektual, tetapi juga bertanggungjawab sebagai individu yang menyumbang secara positif kepada masyarakat.

Aspek Sosial dan Ketahanan Spiritual dalam Pendidikan Akhlak

Selain itu, perintah mendirikan solat, menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran dan bersabar terhadap ujian ditegaskan dalam ayat ke-17:

يَا بُنَيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۖ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزَمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

Maksudnya: "Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang

demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.

(Surah Luqman, 31: 17)

Ayat di atas mengandungi inti pati penting dalam pembentukan akhlak individu melalui pendekatan yang menyeluruh, meliputi aspek spiritual, sosial dan emosi. Perintah mendirikan solat bukan sahaja menunjukkan hubungan individu dengan Allah SWT (hablun minallah), tetapi juga menjadi asas kepada disiplin diri, kekuatan rohani dan ketenangan jiwa.

Konteks pendidikan moden pada masa kini membuatkan penghayatan ibadah seperti solat mampu membentuk pelajar yang berintegriti, berdisiplin dan mempunyai nilai moral yang tinggi. Seterusnya, seruan kepada kebaikan dan larangan terhadap kemungkaran menggambarkan kepentingan interaksi sosial yang sihat dan tanggungjawab sosial yang aktif dalam masyarakat. Ini selari dengan pendekatan pendidikan abad ke-21 yang menekankan pembangunan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, kerjasama dan komunikasi berkesan. Selain itu, anjuran untuk bersabar terhadap ujian menekankan pembinaan daya tahan emosi (emotional resilience), yang sangat penting dalam menangani tekanan, kegagalan dan cabaran dalam kehidupan seharian. Pendidikan moden yang menekankan kecerdasan emosi dan kesejahteraan mental seharusnya mengambil nilai ini sebagai prinsip asas dalam kurikulum dan pendekatan pedagogi.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Al-Attas (1980), pendidikan akhlak yang benar ialah yang mampu membentuk manusia berjiwa kuat, mempunyai prinsip dan dapat mengekalkan keseimbangan rohani serta sosial. Maka, ayat ini bukan sahaja relevan untuk pendidikan Islam, tetapi juga memberikan asas kukuh bagi pembinaan sistem pendidikan moden yang holistik dan berteraskan nilai.

Adab dan Tawaduk

Akhir sekali, Luqman menasihatkan anaknya supaya tidak berlaku sombong dan bongkak, serta menjaga adab dalam percakapan dan berjalan di bumi dengan sederhana (ayat 18-19). Ini menunjukkan pentingnya pendidikan adab dalam membentuk akhlak mulia (Hashim & Langgulung, 2008).

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri.*

(Surah Luqman, 31: 18)

وَاقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَاعْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ ﴿١٩﴾

Maksudnya: *"Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai".*

(Surah Luqman, 31: 19)

Huraian ayat 18 dan 19 Surah Luqman ini memberi penekanan yang jelas terhadap kepentingan pendidikan adab dalam membentuk peribadi yang mulia dan seimbang. Nasihat Luqman kepada anaknya agar tidak berlaku sombong, tidak memandang rendah kepada orang lain, serta

tidak berjalan dengan angkuh di bumi menunjukkan bahawa akhlak luaran termasuk bahasa tubuh, cara berinteraksi dan tingkah laku sosial memainkan peranan penting dalam pembinaan sahsiah. Dalam konteks pendidikan moden, nilai-nilai ini amat signifikan dalam membentuk pelajar yang beretika, berempati dan mampu menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi sosial. Sifat rendah diri dan kesederhanaan dalam tingkah laku adalah asas kepada pembinaan hubungan sosial yang sihat, sejajar dengan keperluan pendidikan untuk membentuk generasi yang bukan sahaja cemerlang secara intelektual, tetapi juga matang dari segi emosi dan sosial.

Selain itu, arahan untuk merendahkan suara dalam percakapan melambangkan pentingnya kesantunan dalam komunikasi yang merupakan salah satu elemen penting dalam kemahiran insaniah pada abad ke-21. Pendidikan moden hari ini memberi penekanan kepada komunikasi berkesan dan empati yang tidak hanya dilihat pada apa yang disampaikan, tetapi juga pada bagaimana sesuatu itu disampaikan. Seperti yang ditegaskan oleh Hashim dan Langgulong (2008), pendidikan adab bukan sekadar pembentukan disiplin luaran, tetapi melibatkan pemurnian jiwa dan pembangunan peribadi secara menyeluruh. Maka, ayat-ayat ini memberi panduan langsung kepada sistem pendidikan moden agar menekankan adab sebagai teras dalam melahirkan insan berakhlak tinggi, sopan dalam tingkah laku dan seimbang dari segi emosi, intelek serta rohani.

Sistem Pendidikan Moden

Pendidikan moden merujuk kepada sistem pendidikan yang berkembang sejajar dengan perubahan zaman, kemajuan teknologi serta keperluan semasa masyarakat global yang semakin kompleks. Ia tidak lagi terhad kepada pemindahan ilmu pengetahuan secara tradisional dalam bentuk hafalan dan penyampaian sehalu semata-mata, tetapi menekankan pendekatan yang lebih dinamik, holistik, berpusatkan pelajar dan berorientasikan pembentukan insan seimbang. Pendidikan moden menitikberatkan pembangunan pelbagai aspek diri individu secara menyeluruh, termasuk aspek kognitif (pemikiran dan pengetahuan), afektif (emosi dan nilai), sosial (kemahiran interaksi) dan sahsiah (perwatakan dan moral). Dalam era globalisasi ini, pelajar tidak hanya dituntut untuk menguasai ilmu pengetahuan, tetapi juga untuk memiliki keupayaan berfikir secara kritis, kreatif dan reflektif, berkomunikasi secara berkesan serta bekerjasama dalam persekitaran yang pelbagai budaya dan latar belakang.

Pendekatan pendidikan moden juga bertujuan untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja celik ilmu, tetapi turut memiliki kebolehan menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi dan cabaran, selain mampu memberi sumbangan bermakna kepada masyarakat dan negara. Menurut Delors et al. (1996) dalam laporan UNESCO bertajuk *Learning: The Treasure Within*, pendidikan moden perlu berteraskan empat tonggak utama yang menjadi asas kepada falsafah pendidikan sepanjang hayat, iaitu “belajar untuk mengetahui” (learning to know), “belajar untuk melakukan” (learning to do), “belajar untuk menjadi” (learning to be) dan “belajar untuk hidup bersama” (learning to live together). Keempat-empat tonggak ini saling melengkapi dalam membina insan yang lengkap daripada aspek intelek, emosi, sosial dan spiritual.

Selain itu, pendidikan moden turut memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran abad ke-21 yang sangat penting dalam menyediakan pelajar menghadapi dunia masa hadapan. Ini termasuklah kemahiran berfikir secara analitikal, kreativiti dan inovasi, celik teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta kecekapan dalam menyelesaikan masalah yang kompleks dan tidak dijangka (Trilling & Fadel, 2009). Justeru, pendidikan moden tidak boleh dilihat sekadar sebagai proses pemindahan ilmu, tetapi perlu difahami sebagai proses berterusan

yang membentuk keupayaan pelajar untuk menjadi pembelajar sepanjang hayat, pemimpin masa depan dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab.

Di Malaysia, usaha ke arah merealisasikan pendidikan moden ini diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif kurikulum, antaranya Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dirangka selaras dengan aspirasi global dan keperluan tempatan. KSSM menekankan pendekatan berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), pendekatan berasaskan inkuiri dan pembelajaran berpusatkan pelajar. Dalam masa yang sama, nilai-nilai murni turut diintegrasikan secara merentas kurikulum dalam semua mata pelajaran untuk membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang secara akademik, tetapi juga berakhlak mulia dan berkeperibadian seimbang. Hal ini selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Implikasi terhadap Sistem Pendidikan Moden

Surah Luqman bukan sekadar mengandungi nasihat keibubapaan, tetapi turut menawarkan prinsip-prinsip asas pendidikan yang bersifat universal dan relevan sepanjang zaman. Nilai-nilai yang diketengahkan dalam surah ini seperti tauhid, akhlak, tanggungjawab individu, ketahanan diri dan kesederhanaan memberi gambaran bahawa pendidikan yang berkesan perlu merangkumi pembangunan menyeluruh insan. Dalam konteks sistem pendidikan moden yang semakin kompleks dan berdepan pelbagai cabaran global, prinsip-prinsip ini memberikan panduan yang signifikan untuk merangka pendidikan yang lebih holistik, berteraskan nilai dan seimbang antara pencapaian akademik dan pembentukan sahsiah. Justeru, beberapa implikasi penting dapat dikenal pasti untuk diintegrasikan ke dalam sistem pendidikan kontemporari agar matlamat melahirkan insan seimbang dapat dicapai.

Pendekatan Holistik dalam Pendidikan

Surah Luqman menunjukkan bahawa pendidikan bukan sekadar berfokus kepada aspek akademik, tetapi meliputi pembangunan akidah, akhlak dan kemahiran sosial. Sistem pendidikan moden perlu mengintegrasikan kurikulum nilai dan moral secara sistematik, contohnya menerusi program Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam yang menekankan pembentukan sahsiah. Kajian oleh Huda (2021) menekankan bahawa ayat-ayat dalam Surah Luqman menyarankan pendekatan pendidikan yang menyeluruh dan berpaksikan nilai.

Pendidikan holistik ini penting bagi memastikan pelajar bukan sahaja cemerlang dari segi intelek, malah mantap dari aspek akhlak dan emosi. Menurut Al-Attas (1980), pendidikan Islam bertujuan untuk menghasilkan manusia yang beradab (insan adabi) dan bukan sekadar manusia yang berilmu semata-mata. Oleh itu, pendekatan pengajaran perlu menggabungkan elemen kognitif, afektif dan psikomotor secara seimbang. Hal ini juga disokong oleh Munthe et al. (2025) yang menyatakan bahawa nilai-nilai dalam Surah Luqman boleh membentuk keseimbangan antara kecerdasan spiritual dan sosial pelajar. Sebagai contoh, program pendidikan di Finland menekankan "well-being" pelajar, di mana kesejahteraan emosi, sosial dan akademik diambil kira secara menyeluruh. Ini sejajar dengan konsep pendidikan dalam Surah Luqman yang menyentuh aspek keimanan, amal soleh serta hubungan sosial (Zakir, 2021).

Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti

Peranan Luqman sebagai pendidik utama anaknya menekankan pentingnya penglibatan ibu bapa dalam proses pendidikan. Dalam sistem moden, kolaborasi antara sekolah dan keluarga

harus diperkukuhkan melalui aktiviti seperti seminar keibubapaan, program mentor-mentee dan komuniti pembelajaran.

Keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak terbukti meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar (Epstein, 2001). Dalam konteks Islam, ibu bapa bukan sahaja bertanggungjawab dalam mendidik anak secara akademik, tetapi juga dalam membentuk keimanan dan akhlak. Menurut Iskandar dan Sobarna (2021), nilai menghormati dan berbuat baik kepada ibu bapa seperti yang ditekankan dalam Surah Luqman ayat 14 bukan sahaja mendidik aspek moral, malah memberi kesan positif terhadap pembentukan karakter syukur dalam diri pelajar.

Program seperti "Parent-Teacher Partnership" perlu diperluaskan untuk memastikan kesinambungan pendidikan di rumah dan di sekolah. Contohnya, sekolah Islam integrasi di Malaysia mengadakan "Hari Bersama Ibu Bapa" yang bukan sahaja membincangkan prestasi akademik, tetapi juga pencapaian sahsiah anak-anak, seiring dengan nilai-nilai yang ditekankan dalam Surah Luqman (Huda, 2021).

Pendidikan Tanggungjawab Individu

Konsep tanggungjawab individu yang diajar dalam Surah Luqman amat penting diterapkan dalam pendidikan moden. Ini boleh dicapai melalui pendekatan pembelajaran berasaskan projek (PBL) yang memberi peluang kepada pelajar merancang, melaksanakan dan menilai hasil kerja mereka, sekaligus memupuk nilai tanggungjawab terhadap tindakan sendiri.

Setiap individu perlu diajar untuk bertanggungjawab terhadap pilihan dan keputusan mereka. Menurut Vygotsky (1978), pembelajaran efektif berlaku apabila pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran mereka sendiri. Oleh itu, sistem pendidikan perlu memberi ruang untuk pelajar mengembangkan autonomi dan akauntabiliti. Maimunah et al. (2025) menegaskan bahawa nilai tanggungjawab dalam Surah Luqman juga menggalakkan pelajar untuk sentiasa mengambil kira akibat daripada perbuatan mereka terhadap diri dan masyarakat. Sebagai contoh, pelaksanaan "Student-Led Conference" di sekolah-sekolah antarabangsa membolehkan pelajar membentangkan pencapaian dan refleksi mereka sendiri kepada ibu bapa dan guru. Ini mendorong kesedaran tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap pembelajaran.

Pembentukan Ketahanan Mental dan Emosi

Pesanan Luqman tentang sabar dalam menghadapi cabaran (ayat 17) menekankan kepentingan ketahanan jiwa. Pendidikan moden perlu memberi ruang kepada pembangunan kecerdasan emosi (EQ) melalui modul pembangunan diri, program "mindfulness" atau aktiviti kokurikulum seperti sukan dan kesukarelawanan.

Ketahanan mental dan emosi adalah penting dalam menangani tekanan akademik dan sosial. Menurut Goleman (1995), kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam kejayaan hidup seseorang, lebih daripada kecerdasan intelek semata-mata. Zakir (2021) menekankan bahawa nilai sabar yang ditekankan dalam Surah Luqman merupakan asas kepada pembentukan kestabilan emosi dan spiritual dalam diri anak-anak.

Sebagai contoh, program "Resilience Curriculum" di beberapa sekolah di Australia mengajarkan teknik pengurusan stres, pemikiran positif dan pengembangan empati kepada pelajar dari usia muda, selari dengan prinsip kesabaran yang diajar dalam Surah Luqman.

Penerapan Nilai Kesederhanaan dan Merendahkan Diri

Larangan sombong dan bongkak dalam Surah Luqman perlu diterjemahkan dalam amalan pendidikan hari ini. Guru dan pelajar harus digalakkan untuk mengamalkan nilai tawaduk dalam pencapaian akademik dan sosial. Kajian oleh Sofa et al. (2023) menunjukkan bahawa nilai kesederhanaan dan merendahkan diri dalam Surah Luqman adalah elemen penting dalam membina karakter pelajar yang seimbang secara rohani dan sosial.

Kesederhanaan dalam sikap membantu membentuk masyarakat yang harmoni dan tidak mementingkan diri sendiri. Pendidikan moden boleh memasukkan elemen nilai murni dalam pelbagai subjek, contohnya melalui kajian kes atau cerita inspirasi yang menekankan nilai kerendahan hati.

Sebagai contoh, "Character Education Programs" di Amerika Syarikat mempromosikan nilai-nilai seperti hormat, rendah hati dan tanggungjawab sosial di dalam dan luar bilik darjah (Lickona, 1991). Program seperti ini berpotensi besar untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja berprestasi tinggi tetapi juga berakhlak mulia.

Pendidikan Melalui Teladan (Qudwah Hasanah)

Pendidikan akhlak yang berkesan memerlukan teladan yang baik daripada guru. Ini menuntut latihan berterusan kepada pendidik bukan sahaja dalam aspek pedagogi, tetapi juga dalam pengukuhan akhlak dan nilai profesionalisme guru. Guru sebagai qudwah hasanah memegang peranan penting dalam membentuk tingkah laku pelajar. Menurut Hashim dan Langgulang (2008), pelajar cenderung meniru sikap dan perlakuan guru mereka. Sofa et al. (2023) menegaskan bahawa guru perlu menunjukkan nilai-nilai akhlak Qurani dalam amalan seharian agar pembentukan karakter pelajar lebih berkesan dan konsisten dengan ajaran Islam. Sebagai contoh, latihan "Values-based Leadership" boleh diterapkan dalam program pembangunan profesional guru untuk membina budaya pendidikan yang berteraskan nilai murni dan akhlak Islam.

Kesimpulan

Surah Luqman menampilkan satu kerangka pendidikan akhlak yang menyeluruh dan tetap relevan sepanjang zaman. Ia menitikberatkan unsur keimanan, adab sopan, tanggungjawab terhadap masyarakat serta ketahanan spiritual sebagai asas pembentukan insan seimbang. Nilai-nilai teras seperti tauhid, rasa syukur, penghormatan kepada ibu bapa, amar makruf nahi munkar, kesabaran dan kesederhanaan yang disampaikan melalui nasihat Luqman kepada anaknya merupakan asas penting dalam pembinaan jati diri dan keperibadian unggul. Hasil kajian ini membuktikan bahawa pendekatan akhlak berdasarkan Surah Luqman amat signifikan dalam menyelesaikan isu-isu moral, kekeliruan identiti dan tekanan global yang membelenggu sistem pendidikan masa kini.

Dalam menghadapi realiti pendidikan moden, prinsip-prinsip akhlak tersebut harus diintegrasikan secara menyeluruh ke dalam struktur pendidikan yang meliputi kandungan kurikulum, kaedah pengajaran serta persekitaran pembelajaran. Kajian ini menekankan beberapa keperluan utama seperti pelaksanaan pendidikan yang menyatukan elemen kognitif dan nilai, keterlibatan aktif ibu bapa serta masyarakat, pemantapan nilai akauntabiliti peribadi serta pengembangan kecekalan mental pelajar. Pelaksanaan pendekatan ini bukan sahaja menghasilkan pelajar yang pintar secara akademik, tetapi juga berakhlak tinggi, berintegriti, berempati dan bersedia untuk berperanan secara positif dalam masyarakat yang mencabar.

Justeru, penggabungan nilai-nilai al-Quran dalam sistem pendidikan masa kini bukan sekadar pilihan, bahkan suatu keperluan yang mendesak demi menjamin kelangsungan pembangunan insan dan tamadun yang berteraskan nilai. Kementerian Pendidikan, institusi pengajian, para pendidik dan ibu bapa perlu memainkan peranan secara kolektif dalam memastikan pendidikan akhlak berasaskan wahyu menjadi landasan utama dalam sistem pembelajaran negara. Apabila kembali kepada asas nilai yang sahih dan berpandukan wahyu Ilahi, barulah kita dapat membentuk generasi masa depan yang bukan sahaja cemerlang dari sudut ilmu, bahkan matang dari segi sahsiah, adil dalam kepimpinan dan luhur dalam tindakan.

References

- Al-Attas, S. M. N. (1980). *The Concept Of Education In Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Maraghi, A. M. (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (1991). *Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Delors, J., et al. (1996). *Learning: The Treasure Within*. Paris: UNESCO.
- Epstein, J. L. (2001). *School, Family, And Community Partnerships: Preparing Educators And Improving Schools*. Boulder, CO: Westview Press.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Hashim, R., & Langgulong, H. (2008). *The Philosophy Of Islamic Education*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Huda, N. (2021). Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Surah Luqman Dan Aplikasinya Pada Pembelajaran PAI. *An-Nahdhah: Jurnal Ilmiah Keagamaan dan Kemasyarakatan*, 14(1), 273–300.
- Ibn Kathir. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2020). *Laporan Tinjauan Gejala Sosial Remaja Malaysia 2020*.
- Iskandar, S. F., & Sobarna, A. (2021). Implikasi Pendidikan Dari Al-Qur'an Surah Luqman Ayat 14 Tentang Berbuat Baik Kepada Orang Tua Dalam Pembentukan Karakter Syukur. *Jurnal Riset Pendidikan Agama Islam*, 63–70.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Sekolah Menengah*.
- Lickona, T. (1991). *Educating For Character: How Our Schools Can Teach Respect And Responsibility*. New York: Bantam.
- Munthe, M., Aulia, N., Hanifaa, U., & Danil, M. A. (2025). The Values Of Moral Education In The Qur'an And Their Implications For The Process Of Character Formation Of Children Or Students (Analysis Study of Surah Luqman Verses 14–15). *Al-Afkar: Journal for Islamic Studies*, 8(2), 95–104.
- Sofa, M. L., Zubaedi, Z., & Chandra, P. (2023). Model Pendidikan Karakter Qurani dalam Surat Luqman ayat 12–19 dan Penerapannya di Era Disrupsi: Telaah Tafsir Al-Misbah. *Didaktika Islamika*, 14(2), 41–66.
- Trilling, B., & Fadel, C. (2009). *21st Century Skills: Learning For Life In Our Times*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Zakir, S., Akhyar, K., Junaidi, J., & Sesmiarni, Z. (2021). Nilai-Nilai Pendidikan Agama Islam dalam QS Luqman ayat 12–19: Telaah Tafsir Al-Azhaar dan Al-Misbah. *Edumaspol: Jurnal Pendidikan*, 5(2), 752–756.